

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia - Company No. 524989-M)

BERITA HARIAN - Bisnes - Isnin, 21 Mac 2016 (A)

# Syor pengundian secara elektronik

» Syarikat disaran telus, laksana prosiding AGM secara cekap



→  
**RITA BENOY BUSHON**

**M**usim Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) paling sibuk tahun ini bermula lagi.

Kami menggesa semua syarikat supaya mengamalkan ketelusan dan pelaksanaan prosiding AGM yang baik untuk manfaat semua pihak.

Antara prinsip tadbir urus korporat yang penting adalah prinsip 'satu saham satu undi' yang boleh dilaksanakan melalui pengundian secara cabut undi (poll) berbanding undian melalui proses mengangkat tangan.

Kami difahamkan pengundian secara poll dijangka diwajibkan tahun ini, selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada tahun lalu.

Kami harap lebih banyak syarikat akan mengambil tindakan proaktif dengan memperkenalkan pengundian secara poll dalam mesyuarat agung yang akan datang.

Bagaimanapun, kami percaya dengan adanya pihak yang memegang lebih daripada 50 peratus hak mengundi, ia boleh menyetepikan hak pemegang saham minoriti dan menjadikan pengundian itu sebagai hanya suatu pelaksanaan akademik.

Sekiranya pengundian secara poll diwajibkan, kami mengharapkan pihak kawal selia akan memastikan syarikat yang mempunyai struktur pe-

ngangan saham yang mempunyai pegangan yang majoriti menyediakan ruang bagi suara pemegang saham minoriti didengari.

### Cadangan untuk syarikat

Oleh itu, kami mencadangkan dalam kes begini, kedua-dua pemegang saham majoriti dan minoriti perlu bersetuju sebelum sesuatu resolusi boleh diluluskan, sekurang-kurangnya dari segi bilangan undi.

Selain itu, kami juga mencadangkan agar syarikat memperkenalkan pengundian secara elektronik supaya proses pengundian dapat dipercepatkan. Pada masa ini, kurang daripada 10 syarikat tersenarai menggunakan pengundian secara elektronik dalam AGM mereka.

Kami juga ingin mengulangi cadangan sebelum ini, bahawa syarikat perlu menerbitkan prosiding mesyuarat mereka secara sukarela, seelok-eloknya dalam tempoh 30 hari selepas tamat mesyuarat itu.

Butiran cadangan ini boleh dirujuk dalam penerbitan kami bertajuk 'Report of AGM

Practices by Malaysian Companies' yang boleh diakses menerusi laman web MSWG [www.msug.org.my](http://www.msug.org.my).

### Isu waktu kelayakan

Dalam hal yang berasingan, satu isu khusus yang menarik perhatian kami, sekali gus mencetuskan kebimbangan adalah isu waktu kelayakan (cut-off) yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat mengenai kelayakan pemegang saham untuk menghadiri AGM syarikat.

Di bawah Akta Syarikat 1965, terdapat peruntukan minimum selama tiga hari bagi ahli berdaftar untuk berhak menghadiri dan mengundi di dalam mesyuarat agung.

Bagaimanapun, kami menemui satu kes yang mana pemegang saham perlu mendaftar satu bulan sebelum AGM, walaupun menurut amalan sedia ada pemegang sahamnya perlu didaftarkan tujuh hari sebelum mesyuarat agung.

Kejadian ini mewujudkan kekeliruan dalam kalangan pemegang saham berkaitan hak mereka untuk hadir, walaupun mereka adalah pemegang saham yang layak.

Kami berharap pihak kawal selia boleh mengenakan peraturan yang seragam supaya tiada kekeliruan mengenai isu ini, sama ada tiga hari, tujuh hari atau 30 hari, yang mana difikirkan munasabah.